

Pokok berbahaya ditebang

PERISTIWA pokok tumbang dalam hujan petir sehingga mengorbankan nyawa dan harta benda tidak lama dahulu masih dalam ingatan. Ekoran itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lebih prihatin memeriksa dan memantau pokok-pokok berisiko tinggi di seluruh ibu negara.

Mana-mana pokok yang terbukti mengancam keselamatan orang ramai akan ditebang. Kebanyakan pokok dalam kategori ini adalah yang sudah berusia, mungkin mencecah belasan atau puluhan tahun. Kerana itu strukturnya goyah dan mudah tumbang jika dipukul angin kuat.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini langkah paling wajar dilakukan oleh DBKL demi keselamatan orang ramai. Walaupun ibu kota memerlukan banyak pokok untuk kesegaran warga kota, pokok berbahaya tidak harus dibiarkan.

Memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa di Parlimen baru-baru ini, sebanyak 1,488 pokok berusia di sekitar ibu kota diperiksa sejak tahun 2019 hingga kini. Daripada jumlah itu 173 pokok berisiko tinggi telah ditebang.

Pihak DBKL akan berterusan menilai dan memeriksa pokok tua. Pada masa sama kerja penyelenggaraan pokok rendah akan dibuat secara berkala. Ini kerana pokok rendah juga berisiko.

Sehubungan itu DBKL melantik 21 kontraktor dilantik mulai 15 Jun 2024 untuk kerja penyelenggaraan. Ini termasuk arboris atau individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, DBKL telah mengambil segala langkah yang perlu bagi meminimumkan bahaya.